

01 FEB 1997

Anwar-Kesal

TPM KESAL IBU BAPA MELAYU BIAR ANAK MASING-MASING

PULAU PINANG, 1 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim malam ini melahirkan rasa kesal terhadap sikap ibu bapa terutamanya orang Melayu yang tidak mengambil tahu hal ehwal anak masing-masing.

Timbalan Perdana Menteri berkata masalah sosial yang banyak berlaku di kalangan orang Melayu kini adalah disebabkan sikap ibu bapa orang Melayu itu sendiri.

Menurutnya, satu kajian perbandingan keluarga Melayu dan Cina yang tinggal di rumah pangsa di Kuala Lumpur menunjukkan 98 peratus anak-anak masyarakat Cina akan terus pulang ke rumah masing-masing selepas sekolah.

Hanya kira-kira 50 peratus anak orang Melayu terus pulang ke rumah selepas waktu sekolah manakala baki peratusan itu akan ke pusat-pusat membeli-belah dan ke tempat lain, katanya ketika berucap pada majlis berbuka puasa di Masjid Menora, Tasik Gelugor.

"Semua ini berlaku kerana ibu bapa (anak-anak orang Melayu) tidak kisah anak mereka balik pukul berapa," katanya sambil menyatakan peratusan itu tidak banyak berbeza dengan di negeri ini.

Anwar berkata siapakah yang hendak dipersalahkan jika keadaan seperti masalah sosial itu berlaku di kalangan orang Melayu.

"Kalau semua ibu bapa jaga dan mengambil tahu hal anak masing-masing, tidak akan timbul masalah seperti itu di kalangan orang Melayu," katanya.

Anwar berkata beliau telah memanggil satu mesyuarat khas di Kuala Lumpur Rabu ini yang bakal dihadiri mufti dan pegawai majlis agama Negeri Sembilan dan Selangor.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan hadir pada mesyuarat itu kelak.

Selain itu, Anwar meminta orang Islam supaya mengambil sikap positif dengan menerima sesuatu yang baik dan tidak menurut sahaja perkara yang tidak elok.

-- BERNAMA

AHM AHH